

22 JAN 2002

Mahathir-Pelajar

BERSEDIA HADAPI DUNIA SEBENAR DI LUAR UNIVERSITI, KATA MAHATHIR

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta para pelajar supaya bersedia menghadapi dunia sebenar di luar universiti dengan mempunyai sikap yang betul terhadap kerja dan pandai pula menyesuaikan diri dengan persekitaran alam pekerjaan.

Perdana Menteri berkata mereka tidak harus terlalu memilih pekerjaan berdasarkan bidang kelulusan yang diperolehi, sebaliknya boleh bekerja di bidang lain terlebih dahulu sebelum mendapat pekerjaan dalam bidang pilihan mereka.

Bagi yang berminat untuk berniaga pula, mereka perlu menimba pengalaman sebagai seorang pekerja di mana-mana syarikat yang bersesuaian bagi memastikan perniagaan sendiri nanti menjadi lebih berjaya, katanya ketika berucap merasmikan Hari Kerjaya ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kampus induknya di sini.

Dr Mahathir berkata sikap yang betul terhadap kerja termasuklah memberi perhatian kepada kepuasan dengan hasil kerja dan tidak terlalu mementingkan pendapatan.

"Kalau kita hanya fikir tentang pendapatan, kita akan kecewa seumur hidup kerana manusia tidak pernah berpuas hati dengan gaji dan upah yang diperolehi mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata peredaran masa bukan sahaja menjadikan Malaysia lebih membangun malah tahap penguasaan ilmu oleh masyarakat turut meningkat dan graduan yang dihasilkan oleh universiti menjadi semakin ramai.

Kerajaan tidak mampu menyediakan pekerjaan kepada semua graduan, sebaliknya bidang perniagaan dan perusahaan yang semakin berjaya di Malaysia turut mewujudkan peluang pekerjaan di sektor swasta.

"Syarikat swasta akan memilih mereka yang berkebolehan menyumbang kepada produktiviti organisasi berkenaan. Justeru sikap terhadap kerja menjadi penting kerana jika kita tidak ada sikap yang sesuai dengan kerja kita, ia tidak akan memberi apa-apa hasil kepada badan yang memberi pekerjaan kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menafikan bahawa pendapatan juga penting tetapi ia tidak harus menjadi tumpuan kerana tabiat manusia menunjukkan bahawa kenaikan gaji dan upah hanya boleh memuaskan hati mereka buat sementara sahaja.

Perdana Menteri juga menegaskan pentingnya pelajar universiti awam dan universiti swasta menyesuaikan diri dengan persekitaran dunia pekerjaan kerana ia amat berbeza dengan dunia universiti.

Katanya, di universiti awam masyarakat kampus terdiri daripada lebih ramai kaum bumiputera dan di universiti swasta pula sebaliknya, tetapi persekitaran kerja di luar universiti adalah gambaran sebenar komposisi masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata graduan universiti awam misalnya harus bersedia untuk bekerja di tempat yang majoriti mereka terdiri daripada bukan bumiputera dan jika mereka tak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran itu, mereka tidak akan berjaya.

"Sebelum kita bekerja, kita perlu tahu perbezaan iklim dalam dan luar universiti, kalau tidak kita tidak dapat bekerja dengan sempurna," katanya.

Begitu juga dengan pengalaman bekerja termasuk latihan perantisan yang menurutnya tidak kurang pentingnya bagi membolehkan seseorang menjadi pekerja yang baik.

Beliau menceritakan pengalamannya sendiri sewaktu menjadi doktor

pelatih, yang cuma dibayar RM400 sebulan dan kemudiannya dinaikkan kepada RM401 sebulan.

"Pengalaman sebagai doktor pelatih adalah amat berguna, kalau nak dinilai pengalaman yang diperolehi itu, sayalah yang sepatutnya membayar bukannya dibayar," katanya.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO